

15 JUL 1997

Saleh-Trak

TRAK PERTAMA BUATAN MALAYSIA DILANCAR OKTOBER INI

PEKAN, 15 Julai (Bernama) -- Trak pertama buatan Malaysia akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 18 Okt ini.

Trak itu akan dikeluarkan oleh Malaysian Truck and Bus Sdn Bhd (MTB) yang merupakan usahasama antara Hicom Holdings Bhd, Diversified Resources Bhd (DRB) dan Isuzu Motors Ltd.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan DRB-Hicom, Datuk Saleh Sulong berkata maklumat itu disampaikan kepadanya oleh Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan Bengkel Teknologi Kimpalan Petronas dan penukaran nama Institut Kemahiran Mara (IKM) Pekan kepada IKM Tan Sri Yahaya Ahmad, disaksikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapha Mohamed di sini.

Hicom dan DRB masing-masing memegang 40 peratus ekuiti dalam projek manakala Isuzu memegang baki 20 peratus. Kos keseluruhan projek trak nasional itu dianggarkan RM280 juta.

Isuzu Motors Ltd akan merekabentuk, mengeluarkan, memasang, menjual dan mengedar trak dan semua bahagian dan/atau komponennya.

Mengenai cadangan Kumpulan DRB-Hicom untuk membina kawasan menguji kenderaan dan litar ujian di Sungai Miang di sini, beliau berkata cadangan itu masih dikaji terutama mengenai kesesuaian tanah.

Saleh berkata, kawasan seluas 960 hektar di Sungai Miang dibeli melebihi keperluan bagi menempatkan pembekal komponen bagi pemasangan kereta penumpang, bas, trak dan kenderaan pacuan empat roda.

Katanya, DRB-Hicom akan mempelawa kira-kira 250 vendornya untuk mendirikan kilang dekata kilang MTB (pemasangan trak dan bas) dan Automotive Manufacturers Malaysia (AMM) (pemasangan kenderaan penumpang) di Kawasan Perindustrian Peramu di sini bagi memudahkan penghantaran dan menjimatkan kos. -- BERNAMA

ROS FAZ